

JPN Labuan hargai komitmen dan kerjasama UMSKAL

UB 11.02.2020 16

JABATAN Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan (JPN-WPL) amat menghargai komitmen dan kerjasama yang diberikan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dalam menjayakan Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan (MSSWPL) 2020 yang diadakan di kampus berkenaan, Sabtu lalu.

Pengarah JPN Labuan Raisin Saidin berkata, khidmat bakti yang ditunjukkan pengurusan UMSKAL adalah salah satu faktor kejohanan itu berjalan lancar seperti mana yang dirancang AJK Pengelola Merentas Desa 2020.

Malah katanya, kehadiran Pengarah UMSKAL Profesor Dr. Jualang @ Azlan Abdullah Gansau pada upacara pelepasan peserta juga membuktikan



JUARASEKOLAH MENENGAH: Sekolah Menengah Sains Labuan juara keseluruhan kategori Sekolah Menengah.

komitmen tinggi beliau terhadap penganjuran acara tahunan itu.

Pada masa sama, Raisin berharap lebih banyak jalinan dan jaringan kerjasama pintar dapat diadakan dalam pelbagai bidang antara JPN Labuan dengan UMSKAL

pada masa akan datang.

“Saya juga berharap pelajar yang menjadi peserta merentas desa kali ini juga akan belajar bersungguh-sungguh menerusi kehadiran mereka di UMSKAL sebagai penyuntik semangat untuk melanjutkan pengajian tinggi ke

menara gading mereka pada masa hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Kejohanan Merentas Desa MSSWPL 2020 di Astaka Padang UMSKAL, Sabtu lalu.

Turut hadir Timbalan

Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Mohamad Tuah, Timbalan Pengarah Pendidikan Ustaz Haji Abd Rahman Ahmad, Pengurus Bersama Norazita Md. Nor @ Sham-suri yang juga Pengetua SMK Pantai dan Sazali Haji Dinin merangkap Guru Besar SK 2020.

Patau-Patau.

Hadir sama pegawai JPN, pengetua dan guru besar, penguruspasukan,jurulatih dan guru-guru.

Pada edisi kali ini, Sekolah Menengah Sains Labuan (SMSL) dan Sekolah Kebangsaan (SK) Lubok Temiang masing-masing muncul johan kategori Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

Dalam ucapannya, Raisin berkata menerusi kejohanan itu, akan melahirkan pelajar yang sihat, cergas dan cerdas sekaligus dapat membantu mereka meneruskan kecermerlangan dalam bidang lain termasuk akademik dan kokurikulum.

Beliau tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pegawai dan guru yang terbabit sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Kejohanan Merentas Desa MSSWPL 2020.

“Menerusi kejohanan itu, guru-guru juga dapat berkenalan dan beramah mesra dengan rakan sejawat mereka di samping menimba ilmu pengurusan sukan daripada pegawai dan rakan guru,” katanya.

Sementara itu, Norazita Md. Nor juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua AJK Pengelola yang terdiri daripada guru-guru SMK Pantai IBWS dan SK Patau-Patau yang menjadi penganjur bersama pada tahun ini.

“Ucapan terima kasih juga saya tujuhkan kepada semua pegawai dan kakitangan JPN Labuan serta Angkatan Pertahanan Malaysia (APM) yang turut bertingkus-lumus menjayakan program tahunan itu,” katanya yang turut mengucapkan terima kasih Pengurus Teknik dan Pembangunan Sukan Olahraga, Balapan dan Padang MSSWPL Kim Hong Chong Kiat.



GAMBAR: Raisin (lima kanan) dan Profesor Dr. Jualang (empat kiri) bergambar kenangan bersama Pegawai JPN Labuan, Pengetua dan Guru Besar sempena Kejohanan Merentas Desa MSSWPL 2020 di UMSKAL, Sabtu lalu.



PELEPASAN: Raisin (empat kiri) dan Profesor Dr. Jualang (tiga kiri) pada upacara pelepasan peserta Kejohanan Merentas Desa MSSWPL 2020 di UMSKAL, Sabtu lalu.



JUARASEKOLAH RENDAH: Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang juara keseluruhan kategori Sekolah Rendah.



PENGHARGAAN: Zamri (tengah) menerima sijil penghargaan daripada Raisin sambil diperhatikan Ustaz Abd Rahman (kanan).



SAINGAN: Atlet SMK Labuan turut memberikan saingan sengit kepada atlet sekolah lain.